

UMS tangani isu bekalan air di kampus induk

UB 13.05.2023 P.01 - 02

KOTA KINABALU:

Universiti Malaysia Sabah (UMS) mengambil maklum tentang luahan di laman twitter mengenai masalah kekurangan bekalan air di kampus induk Kota Kinabalu.

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UMS, Prof. Madya Dr. Raman Noordin berkata pihaknya dengan rendah diri memohon maaf atas segala kesulitan yang dihadapi oleh seluruh warga kampus induk Kota Kinabalu.

“Berdasarkan maklumat hasil daripada beberapa siri pertemuan UMS dengan Jabatan Air Negeri Sabah (JANS), masalah bekalan air ini dihadapi secara menyeluruh oleh penduduk sekitar Tuaran, Tamparuli, Sepanggar termasuk kampus UMS Kota Kinabalu.

“Ia memandangkan loji yang membekalkan air terawat di kawasan-kawasan ini iaitu Loji Rawatan Air (LRA) Telibong, Tuaran hanya mampu menghasilkan bekalan air terawat sekitar 164 Juta Liter Sehari (MLD) berbanding

keperluan sebenar sebanyak 190 MLD,” katanya dalam satu kenyataan semalam.

Pada masa yang sama, katanya, kerja-kerja pemindahan dan naik taraf saluran paip di sepanjang jalan Pan Borneo juga sedang dijalankan, justeru JANS mengambil pendekatan mengadakan catuan bekalan air.

Menurutnya, kampus induk UMS sahaja memerlukan sekitar 3 MLD hingga 5 MLD sehari untuk menampung keperluan air terawat di dalam kampus.

“Menyedari akan keperluan mendesak warga kampus khususnya di kolej-kolej kediaman pelajar, pihak UMS ketika ini juga menggunakan perkhidmatan lori tangki bagi membekalkan air terawat JANS.

“Bekalan ini diperolehi daripada LRA Moyog Penampang, melibatkan 20 kali penghantaran lori tangki air sehari atau anggaran kapasiti sehingga 400,000 liter sehari dibekalkan untuk kegunaan kolej kediaman pelajar dan juga bangunan sekitar dalam kampus UMS.

“Pihak UMS juga

berinisiatif mencari sumber air alternatif dalam kampus. Pihak UMS telah membuat satu perpaipan daripada punca air bukit, dalam kampus yang mampu membekalkan air sebanyak 60,000 - 80,000 liter sehari,” katanya.

Raman berkata, pihak UMS juga telah mengenal pasti punca air bukit lain dan akan membuat perpaipan baru bagi penyaluran air bukit berkenaan untuk kegunaan pelajar.

Menurutnya, sebanyak RM350,000 telah diperuntukkan bagi pelaksanaan inovasi bekalan sumber air dalaman seperti air graviti, air bawah tanah dan air hujan.

Selain itu, katanya, tangki-tangki tambahan di luar kolej-kolej kediaman yang lengkap dengan sistem pam dan perpaipan turut disediakan.

“Pihak UMS sentiasa berhubung dengan pihak JANS dalam menyampaikan tahap gangguan melibatkan kampus induk UMS dan juga pemantauan harian aras bekalan air terawat di tangki R13 JANS.

▶ [Lihat Muka 2](#)

UMS tangani isu bekalan air di kampus induk

▶ [Dari Muka 1](#)

“Pihak JANS telah memaklumkan bahawa LRA Telibong 2 Fasa 2 akan mula beroperasi untuk mengepam sebanyak 20 juta liter sehari dan dijangka siap pada bulan Julai 2023. Inisiatif ini diharap mampu meredakan krisis bekalan air yang melanda,” katanya.

Menurut Raman, pihak UMS sedar, langkah-langkah ini mungkin belum dapat memberikan penyelesaian yang menyeluruh, namun pihak UMS akan terus berusaha sedaya upaya bagi

mengurangkan impak cautan bekalan air kepada para pelajar dan warga kampus induk UMS.

“Pihak UMS juga menyambut baik cadangan pelajar untuk mengadakan kelas dalam talian sekiranya keadaan isu air semakin menyulitkan.

“Para pelajar juga boleh mendapatkan info-info semasa termasuk perkembangan hal ehwal berkaitan air di dalam kumpulan whatsapp kolej kediaman masing-masing pada setiap hari agar maklumat yang sahih dan tepat dapat diperolehi dengan pantas,” katanya.